

Analisis Kejayaan Pemerintahan Islam Berasaskan Pelaksanaan Prinsip Kepemimpinan Berteraskan Islam Umar Al-Khattab RA

[*Analysis Of The Successful Islamic Government Based On The Exucation Umar Al-Khattab Ra Principles In Leadership Based On Islam*]

Mohd Syakir Mohd Rosdi^{1*}, Suwandi Simangunsong²,

^{1,2}Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Corresponding email: mohdsyakir@usm.my

ARTICLE INFO

Revised Date: 8 October 2025
Accepted Date: 1 November 2025
Published Date: 31 Desember 2025

Kata Kunci:

Kejayaan; Pemerintahan Umar Al-Khattab; Prinsip; Kepemimpinan Berteraskan Islam

Keywords:

Successful; Umar Al-Khattab Government; Principles; Leadership Based on Islam

Abstrak

Kepemimpinan merupakan perkara penting dan faktor utama dalam mencapai matlamat organisasi. Seorang pemimpin benar-benar menentukan kemajuan sesebuah negara dan makmurnya sesebuah penduduk. Kepemimpinan masa kini mengalami banyak kemunduran dan kegagalan, banyak orang memerintah negara tetapi Islam tidak ditegakkan. Rakyat hilang kepercayaan kepada kepemimpinan Islam kerana pemimpin hari ini tidak berjiwa kepimpinan dan sahsiah yang baik sesuai prinsip kepemimpinan berteraskan Islam yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Seorang sahabat yang dikagumi pemerintahannya iaitu Umar al-Khattab RA menjadi tumpuan dalam kajian ini. Beliau merupakan khalifah kedua dan tokoh penting dalam sejarah tamadun Islam. Sebagai khalifah kedua, terdapat prinsip-prinsip yang digunakan dalam kepimpinannya dan amat mengagumkan kemajuan kerajaannya. Berdasarkan perspektif positif ini, apakah yang boleh dicontohi daripada prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA terhadap kepemimpinan masa kini? Bagaimanakah Umar al-Khattab RA mengamalkan prinsip kepimpinannya sehingga tercipta sebuah negara maju dan sebahagian besar rakyat mendapat impak positif dan mereka makmur? Daripada persoalan-persoalan tersebut, kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian metod naratif, kerana ia bertepatan dengan data sekunder yang dikumpul menggunakan kaedah kajian dokumen. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasilnya, ia dapat membina kerangka konsep bagi prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA yang merangkumi lapan prinsip iaitu bertauhidkan Allah SWT, takut hanya kepada Allah SWT, cinta kepada Rasulullah SAW, mempertahankan syariat Islam, memartabatkan kepimpinan khalifah, mengutamakan syura, menerapkan keadilan dan mengamalkan amanah. Berasaskan lapan prinsip ini, Umar al-Khattab RA diiktiraf kegemilangan pemerintahannya oleh orang Islam dan bukan Islam. Kerajaannya mendapat jaminan keselamatan dan hak dalam menyampaikan sebarang aduan, baik orang Islam mahupun yang bukan Islam, serta tidak berlaku kezaliman. Kepemimpinan Islam hari ini boleh mencontohi prinsip-prinsip ini supaya boleh menerima kesan positif yang sama seperti yang diterima dalam pemerintahan Umar al-Khattab RA.

Abstract

Leadership is an important matter and the main factor in achieving organizational goals. A leader really determines the progress of a country and the prosperity of a population. Today's leadership has many setbacks and failures, many people rule the country, but Islam is not enforced. The people have lost faith in Islamic leadership because today's leaders do not have a good leadership spirit and character in accordance with the principles of Islamic-based leadership taught by Rasulullah SAW and his companions. A companion whose rule was admired, Umar al-Khattab RA, became the focus of this study. He is the second caliph and an important figure in the history of Islamic civilization. As the second caliph, there are principles used in his leadership and the progress of his kingdom is very impressive. Based on this positive perspective, what can be emulated from the Islamic leadership principles of Umar al-Khattab RA towards today's leadership? How did Umar al-Khattab RA practice his leadership principles so that a developed country was created and most of the people had a positive impact and they prospered? From those questions, this study is conducted in the form of a narrative method study, because it coincides with the secondary data collected using the document study method. This data analyzed using qualitative

content analysis methods. As a result, he was able to build a conceptual framework for the Islamic-based leadership principles of Umar al-Khattab RA, which includes eight principles, namely monotheism in Allah SWT, fearing only Allah SWT, love for the Messenger of God SAW, defending Islamic Sharia, dignifying the leadership of the caliph, prioritizing shura, applying justice and practice trust. Based on these eight principles, Umar al-Khattab RA recognized the glory of his rule by Muslims and non-Muslims. His government is guaranteed safety and the right to present any complaints, both Muslims and non-Muslims, and that there will be no tyranny. Islamic leadership today can emulate these principles so that it can receive the same positive effects as received in the reign of Umar al-Khattab RA.

Pengenalan

Konsep pemerintahan yang menjamin kemakmuran dan keadilan adalah menjadi asas kehidupan berbangsa dan bernegara. Konsep ini diciptakan oleh manusia dalam sistem politik Barat seperti sistem demokrasi, sistem komunis, sistem kapitalis dan sistem negara berkebijakan. Namun, untuk mengaplikasikannya di negara bermajoritikan Islam, ia agak tidak tepat kerana Islam juga menegakkan sebuah sistem yang berasaskan kemakmuran dan keadilan. Ruh pelaksanaannya juga berbeza. Kefahaman mengenai keadilan yang diamalkan dalam Islam bukan sekadar ingin memastikan masyarakat hidup aman, tetapi lebih dari itu ialah bagi mematuhi perintah Allah SWT. Umat Islam percaya jika barisan kepimpinan itu mematuhi perintah Allah SWT, maka masyarakat juga terjamin di bawah kepatuhan tersebut. Dalam pada itu, pemimpin Islam yang tidak mengamalkan sistem pemerintahan secara Islam mudah tergelincir melakukan kesalahan tidak beramanah dengan kepimpinannya. Turki Uthmaniyah dijatuhkan oleh Kamal Attaturk disebabkan pemikiran ingin membebaskan rakyat daripada belenggu agama. Beliau sebarkan fahaman kebebasan Barat yang akhirnya menyebabkan kepimpinan Islam Turki Uthmaniyah menjadi kucar kacir dan lemah (Ramayulis, 1998).

Sesuai dengan isu tersebut, penting bagi kepimpinan Islam kembali kepada prinsip kepimpinan berteraskan Islam agar dapat menciptakan suasana bernegara yang makmur dan adil. Biasanya apabila berbincang mengenai kepimpinan dalam Islam, para pengkaji akan melihat daripada pengamalan empat khalifah. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, tidaklah melihat keseluruhan empat khalifah. Cukup lah untuk meneliti Umar al-Khattab RA yang diiktiraf sebagai pengeluar banyak ijihad baru di zaman pemerintahannya jika dibandingkan dengan khalifah yang lain (Muhammad Baltaji, 2007).

Kepimpinan Umar al-Khattab RA selama 10 tahun 6 bulan sebagai pemimpin dan ketua negara, dengan pencapaian yang benar-benar menentukan kemajuan sesebuah negara Islam dan makmurnya sesebuah penduduk memang terasa unik, jika diteliti perjalanan hidupnya setapak demi setapak dan sudah cukup memberi kesan dengan peranan prinsip kepimpinan Baginda. Prinsip kepimpinan Umar al-Khattab RA dapat dilihat daripada banyak kisah yang menunjukkan kelebihan Baginda dalam menjalankan pemerintahannya. Sebagai objek kajian ini, ia diteliti bagaimanakah Umar al-Khattab RA menjadi kepimpinan yang disegani setelah mengamalkan kepimpinan yang dianjurkan Islam? Apakah yang menjadi prinsip kepimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA? Oleh kerana kelebihannya itu, maka diperlukan kajian mengenai prinsip kepimpinan Umar al-Khattab RA ini, yang nantinya diharapkan dapat memberikan penyelesaian kepada masalah kepimpinan masa kini.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan metodologi naratif. Data dikumpulkan dengan kajian dokumen dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis ini digunakan untuk mendapatkan rujukan yang sah dan dapat dikaji semula berdasarkan konteksnya (Krippendorff, 1993). Dalam analisis ini proses memilih, membandingkan, menggabungkan dan menyusun pelbagai pandangan untuk mencari yang relevan (Serbaguna, 2005). Untuk kesahan dan kebolehpercayaan data, kajian ini menggunakan pendekatan kritikan. Perkara yang paling penting dari kajian kandungan ini adalah berkaitan dengan kritikan dalaman (kredibiliti) dan kritikan luaran (keaslian) sumber data. Menurut Kuntowijoyo (1995), kritikan luaran (masalah keaslian) cuba meneliti dokumen untuk membuktikan keaslian sumber, iaitu dengan meneliti bagaimana kertas, tinta, gaya penulisan, bahasa, kalimat, ungkapan, kata-kata, huruf dan semua penampilan luar, untuk mengetahui kesahihannya. Sekiranya masalah kesahihan telah disahkan, maka penyelidik melakukan ujian kredibiliti (kritikan dalaman). Menurut Kosim (1988), melakukan kritikan dalaman yang bertugas menjawab pertanyaan adakah keterangan yang diberikan oleh sumber itu boleh dipercayai. Pendekatan kritikan ini penting bagi mendapatkan kesahihan sumber data. Data yang diperoleh perlu diyakini dan benar agar hasil dapatan kajian boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan kesahihannya.

Teori dan Pemilihan Konsep Kajian

Dalam menghuraikan prinsip kepimpinan berteraskan Islam, Mustafa Daud (2001) memetik konsep daripada al-Maududi yang menyatakan tiga prinsip kepimpinan berteraskan Islam. Pertama, tauhid sebagai titik tolak segala proses kepimpinan berasaskan Islam iaitu keEsaan-Nya, sifat-sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari sebarang kekurangan Allah SWT. Justeru, ia menjadi nadi menggerakkan proses kepimpinan tersebut. Kedua, risalah adalah undang-undang Allah <https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.3.977>

SWT. Khususnya kepemimpinan berteraskan Islam yang diterima melalui wahyu oleh Rasulullah SAW yang tertulis dalam al-Quran dan Sunnah. Rasulullah SAW menunjukkan contoh dan teladan tentang pelaksanaan kepemimpinan Islam. Malah, beliau merupakan pemimpin pertama dan pengasas daulah Islamiyah berasaskan kepemimpinan berteraskan Islam. Ketiga, khalifah merupakan manusia dan wakil Allah SWT. Manusia diamanahkan dengan tanggungjawab melaksanakan amanah Allah SWT.

Perbincangan: Prinsip Kepemimpinan Berteraskan Islam Umar Al-Khattab RA

Umar al-Khattab RA tidak dapat dipisahkan dari kegemilangan Islam. Pelbagai pencapaian yang telah dicapai yang tidak pernah diperoleh pada masa sebelumnya. Adalah sangat wajar jika ketika itu nama Umar al-Khattab RA mempunyai tempat secara khusus dalam sejarah perkembangan Islam sejajar dengan pemimpin terkenal di suku Quraisy (Marwa, 2018). Bahkan seorang penulis bukan Islam Michael H. Hart meletakkan Umar al-Khattab RA mengikut urutan 51 daripada 100 orang berpengaruh dalam sejarah manusia (Hart, 1989; Djunaidi, 1982). Beliau juga mendapat pujian dan mandat dari Abu Bakar RA dan dukungan dari kalangan para sahabat untuk memimpin sebagai khalifah kedua setelah Abu Bakar RA. Perlantikan Abu Bakar RA sebagai khalifah juga merupakan cadangan dari Umar al-Khattab RA¹. Tokoh yang satu ini seperti tidak pernah kering sebagai sumber inspirasi dan pengetahuan bagi banyak orang, selalu menjadi objek kajian dan penyelidikan yang menarik minat para ulama, sarjana dan ahli sains. Khalifah kedua selepas Abu Bakar RA ini, mempunyai contoh teladan yang luar biasa dari segi kepimpinan dan keperibadian (Marwa, 2018). Umar al-Khattab RA terbukti mempunyai prinsip keperibadian yang hebat, mampu membawa kejayaan umat Islam. Kehebatan Umar al-Khattab RA mendapat pengiktirafan dari pelbagai kalangan, baik Muslim atau bukan Islam (Salmah Intan, 2017; Marwa, 2018). Prinsip-prinsip itu dapat dilihat pada bahasan berikut ini:

Prinsip mentauhidkan Allah SWT dapat dilihat ketika Khalid bin Walid RA digantikan oleh Abu Ubaidah bin Jarrah RA oleh Umar al-Khattab RA (Muhammad Husain Haekal, 2011). Ada beberapa sebab mengapa Khalid bin Walid dipecat, antaranya Umar al-Khattab RA mengubah peraturan, tidak seperti zaman Abu Bakar RA, kerana orang sudah mula difitnah, menyangka Khalid bin Walid RA yang memimpin mesti menang, maka Umar al-Khattab RA bimbang mereka akan bergantung kepada Khalid bin Walid RA, walaupun Allah SWT yang berkuasa melakukannya (Ibnu Katsir, 2013). Begitulah tentang bagaimana Umar al-Khattab RA memerhatikan tauhid, sehingga seluruh hatinya bergantung kepada *Rabbul'alamin*, bukan atas sebab lain.

Kemudian prinsip takut kepada Allah SWT dapat dilihat dalam penghayatan al-Qur'an. Umar al-Khattab RA pernah menangis dengan kuat kerana takut kepada Allah ketika membaca ayat ketujuh al-Tur. Kerana tangisannya sangat kuat, dia sakit, akhirnya kawan-kawan melawatnya. Dipetik daripada kitab *Ad-Daa wad Dawaa* oleh Ibn Qayyim al-Jauziyya (2019) Umar al-Khattab RA menangis apabila sampai kepada Surah al-Tur 52: 7 yang bermaksud:

“Sesungguhnya azab Tuhanmu pasti datang” (Surah al-Tur, 52:7).

Ketika solat di malam hari, Umar al-Khattab RA pernah membaca ayat yang menakutkannya sehingga dia tinggal di rumahnya selama beberapa hari. Orang ramai juga menziarahinya kerana menyangka dia sedang sakit, padahal di mukanya disebutkan ada dua garis hitam akibat tangisan. Umar al-Khattab RA membaca ayat tentang Allah SWT mencirikan orang yang bergembira dengan amal soleh disertai rasa takut. Hal ini sebagaimana tercantum dalam al Qur'an surat al-Rad ayat 21 yang bermaksud:

"dan orang-orang yang menyambungkan apa yang diperintahkan Allah untuk menyambungnya, dan mereka takut kepada Tuhannya dan takut kepada hisab yang buruk" (Surah al-Rad, 13:21).

¹ Abu Bakar mencadangkan untuk mencalonkan Umar al-Khattab RA dan Abu Ubaidah bin Jarrah RA sebagai calon Khalifah, pengganti Rasulullah SAW Namun, kedua-duanya tidak bersedia untuk dicalonkan. Umar al-Khattab RA risau jika cadangan Abu Bakar RA diterima, ia sebenarnya akan memunculkan perpecahan di kalangan ummah. Selain itu, Umar merasakan bahawa Abu Bakar RA mempunyai kelebihan berbanding dirinya. Umar segera mengambil tangan Abu Bakar RA dan membai'atnya, kemudian diikuti oleh Abu Ubaidah dan Basyir bin Sa'ad. Kesetiaan ini mula diketahui dengan ba'iat Saqifah atau ba'iat di dewan pertemuan, kerana persetujuan dan kenyataan hanya dibuat oleh pemimpin yang hadir dan bertemu di Saqifa (Zakki Fuad, 2012).

Membaca ayat tentang Allah SWT mencirikan orang yang sengsara dengan perbuatan buruk yang disertai dengan rasa aman. Hal ini sebagaimana tercantum dalam Al Qur'an surat al-Isra' ayat 68 yang bermaksud:

"Maka apakah kamu merasa aman bahawa Dia tidak akan menenggelamkan sebahagian dari bumi bersama kamu atau Dia akan meniup (angin yang kencang membawa) batu-batu kecil? dan kamu tidak akan mendapat pelindung." (Surah al-Isra' 17:68)

Prinsip cinta kepada Rasulullah SAW dapat dilihat ketika Umar al-Khattab RA berkata, "Demi Allah, ya Rasulullah SAW, sesungguhnya aku sangat mencintaimu." Maka Rasulullah SAW berkata, "Melebihi cintamu kepada ibu bapamu wahai Umar al-Khattab RA?" Lalu Umar al-Khattab RA menjawab, "Ya." Rasulullah SAW bertanya lagi, "Melebihi cintamu pada hartamu wahai Umar al-Khattab RA?" Kemudian Umar al-Khattab RA menjawab lagi, "Ya." Dia menyambung, "Diri kamu wahai Umar al-Khattab RA?" Umar al-Khattab RA menjawab, "Tidak." Betapa jujurnya Umar al-Khattab RA terhadap dirinya. Segera Rasulullah SAW bersabda, "Tidak wahai Umar al-Khattab RA. Iman kamu tidak sempurna sehingga kamu mencintai saya lebih daripada diri sendiri." Kemudian Umar al-Khattab RA berkata, "Maka aku keluar sambil berfikir. Kemudian dengan penuh semangat aku kembali menyaring suaraku sambil mengulangi kalimat tadi, Demi Allah ya Rasulullah SAW, sesungguhnya aku sangat mencintaimu melebihi diriku sendiri. Maka Rasulullah SAW menjawab, "Sekarang, wahai Umar, sekarang, wahai Umar, (tepat sekali)." Kemudian Abdullah bin Umar bertanya, "Apakah yang menyebabkan ayah berubah?" Lalu Umar al-Khattab RA menjawab pertanyaan anaknya, "Wahai anakku, apabila aku keluar, aku bertanya kepada diri sendiri; Siapa yang lebih aku perlukan pada hari kiamat, diriku sendiri atau Rasulullah SAW? Jadi saya jumpa jawabannya; bahawa aku lebih memerlukan Rasulullah SAW daripada diriku sendiri (Amru Khalid, 2006).

Pada prinsip mempertahankan syariat Islam dapat dilihat dari sikap Umar al-Khattab RA yang sentiasa menitikberatkan watak syariat Islam yang terbuka kepada pembangunan (dinamik) dan sangat *adaptif* (fleksibel). Umar al-Khattab RA dalam menganalisis sesuatu masalah dan seterusnya menyesuaikan hukum, ibarat seorang ahli farmasi yang handal dalam mengadun ubat-ubatan yang diyakini mampu menyembuhkan penyakit pesakit tanpa sebarang kesan sampingan sama sekali (Thaha Jabir al-'Alwani, 1995).

Kemudian pada prinsip memartabatkan kepimpinan Khalifah, Umar al-Khattab RA pernah berkata;

"Kami adalah kaum yang dimuliakan, yang diberikan martabat oleh Allah dengan Islam. Maka, kami tidak akan mencari alternatif (martabat) selain daripada (yang diberikan) Allah SWT." Ibnu Katsir (2013).

Kata-kata bersejarah khalifah kedua ini menggambarkan kemampuannya terhadap martabat yang diilhamkan oleh Islam. Umar al-Khattab RA pernah bertanya kepada Salman al-Farisi RA "Aku ini seorang khalifah atau raja? "Salman RA berkata, khalifah berlaku adil terhadap rakyatnya, membahagikan hak rakyat. Belas kasihan kepada orang ramai seperti dengan keluarganya sendiri dan hakim di antara mereka adalah kitab Allah SWT". "Jika kamu mewajibkan ufti terhadap tanah orang-orang Islam dan memberikannya kepada yang tidak berhak maka kamu adalah raja bukan khalifah." Mendengar ini, lantas Umar al-Khattab RA menangis (Muhammad Baltaji, 2007).

Kemudian prinsip mengutamakan syura dapat dilihat bagaimana Umar al-Khattab RA menyelesaikan beberapa masalah melalui institusi perundingan yang telah dibentuknya. Badan musyawarah ini terbahagi kepada tiga, iaitu perhimpunan agung, jemaah khas, dan jemaah terhad. Pertama perhimpunan agung, iaitu pertemuan untuk orang awam di kota Madinah. Dari situ mereka dijemput ke masjid Nabawi dan selepas solat mereka berkumpul dan Umar al-Khattab RA menyampaikan masalah yang perlu dibincangkan. Dalam perhimpunan agung seperti ini, peserta musyawarah terdiri daripada sebilangan besar ahli masyarakat dan rakan-rakan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing (Mustafa Murad, 2014; Artani Hasbi, 2001).

Institusi musyawarah kedua ialah sidang khas, sidang ini biasanya diadakan bersama ahli tetap dewan, yang diadakan pada masa-masa tertentu selepas perhimpunan agung selesai. Di sini, khalifah memerlukan pendapat orang yang dilihat sebagai *ahl al-hall wa al-aqd*² (Mustafa Murad, 2014). Jika dia tidak dapat memutuskan sesuatu masalah walaupun perkara itu sebelum ini telah dipersoalkan dalam perhimpunan agung, atau ada dalam kalangan rakannya yang tidak berpuas hati dengan keputusan perjanjian perhimpunan agung itu. Sehingga keputusan itu tidak boleh dikatakan

² Merupakan anggota majelis syura yang terdiri dari atas ulama dan cendekiawan (Mustafa Murad, 2014).
<https://doi.org/10.37231/jimk.2025.26.3.977>

keputusan muktamad, tetapi hanya cadangan yang mendapat sokongan majoriti peserta musyawarah. Kemudian sahabat besar itu berunding semula dengan khalifah. Inilah yang dinamakan kategori percubaan khas (Artani Hasbi, 2001).

Institusi musyawarah ketiga ialah sesi terhad. Perbicaraan ini hanya dijalankan apabila terdapat masalah yang dihadapi oleh khalifah. Sebenarnya masalahnya hanya khalifah sendiri yang menentukan. Namun, dia tetap melakukan musyawarah dengan rakan-rakannya walaupun dalam jumlah yang terhad. Dan pada masa pemerintahan Umar al-Khattab RA juga terdapat beberapa bentuk perbicaraan. Iaitu perbicaraan rasmi dan sesi tergepar. Sidang rasmi biasanya diadakan di ibu kota Negara, manakala sidang tergepar tidak perlu diadakan di ibu kota, selain itu juga tidak terikat dengan peraturan (non formil) (Artani Hasbi, 2001).

Pada penerapan prinsip keadilan dapat dilihat apabila ingin mengeluarkan aturan berupa larangan tertentu, Umar al-Khattab RA sentiasa mengumpulkan keluarganya dan memaklumkan larangan itu. "Saya akan mengeluarkan larangan ini kepada orang ramai. Mereka pasti akan melihat anda semua seperti burung melihat daging. Demi Allah, sesiapa di antara kamu yang melakukannya, nescaya aku akan menghukumnya dengan hukuman yang berganda-ganda," dia mengancam keluarganya (Mustafa Murad, 2014). Setiap orang yang melakukan kesalahan pasti akan dihukum, siapa pun dia, walaupun anaknya sendiri. Diriwayatkan bahawa anaknya, Abdurrahman, minum arak di Mesir. Maka Amru bin Ash RA. yang ketika itu adalah gabenor Mesir menghukumnya dengan sebatan. Bagaimanapun, ternyata hukuman itu dilakukan secara tertutup tanpa diawasi orang ramai. Umar al-Khattab RA mendengar tentang hal ini, maka ketika Abdurrahman kembali ke Madinah Umar al-Khattab RA mengulangi hukuman itu (Ibn Kathir, 2013).

Prinsip mengamalkan amanah dapat dilihat ketika Umar al-Khattab RA mengupah seekor unta untuk menziarahi sahabatnya. Tanpa disedari, serbannya tersangkut pada pokok dan jatuh. Apabila diberitahu bahawa serbannya telah jatuh, Umar al-Khattab RA bergegas turun dari untanya dan berlari mencari serbannya, kemudian dengan cepat naik semula ke atas untanya. Pemilik unta itu berkata; "Mengapa kamu tidak memusingkan sahaja unta itu sedikit untuk mengambil serbanmu wahai khalifah?" Umar al-Khattab RA tersenyum: "Kerana saya mengupah unta ini untuk pergi dari rumah saya ke rumah kawan saya. Tidak ada perjanjian pulang pendek untuk tujuan lain." Pemilik unta: "Kalau begitu mengapa kamu tidak memerintahkan saya sebagai rakyat untuk mengambil serban khalifah?" Umar al-Khattab RA menjawab: "Oleh kerana serban itu milikku bukan milikmu, mengapa aku harus memerintahkan kamu? Adakah kamu fikir jawatan khalifah itu berkuasa memerintah orang lain melakukan sesuatu yang tidak ada kena mengena dengan tugasku?" (Fuad Abdurrahman, 2016). Begitulah amanahnya Umar al-Khattab RA.

Analisis Data: Prinsip Kepemimpinan Berteraskan Islam Umar Al-Khattab RA

Terdapat lapan prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA pada dapatan kajian yang akan dianalisis bagi mendapatkan hasil kajian. Seterusnya daripada analisis ini, akan dirumuskan pengetahuan tentang pengamalan prinsip tersebut. Daripada banyak-banyak khalifah Islam, Umar al-Khattab RA mewarisi kepemimpinan Rasulullah SAW³. Dia dipanggil oleh Rasulullah SAW dengan sebutan *al-Faruq*, yang bermaksud pembeza atau pemisah. Iaitu, Allah SWT telah memisahkan dalam dirinya antara yang betul (*haq*) dan yang sia-sia (*batil*). Hanya Umar al-Khattab RA yang begitu berani meluahkan pemikiran dan pendapatnya di hadapan Rasulullah SAW (Mustafa Murad, 2014). Kepintaran dan kehebatan Umar al-Khattab RA bukan sahaja dapat dilihat daripada kelebihanannya, tetapi juga dari keperibadiannya yang agung. Keadaan fizikal dan kemampuannya sangat menonjol, menjadikan Umar al-Khattab RA mampu mempunyai tanggungjawab yang besar (Ahmad Amin, 1997).

Di khazanah sirah keilmuan Islam, ditemui perbincangan *muwafaqat* Umar al-Khattab RA⁴, yakni ketepatan pandangan Umar terhadap wahyu yang masih belum turun dalam berbagai perkara atau kes yang berlaku dan kemudian ditetapkan sebagai undang-undang Islam. Kesesuaian

³ Pertama "dari 'Uqbat bin 'Amir, dia berkata; Telah bersabda Rasulullah SAW: "Sekiranya ada Nabi setelahku, maka dia adalah Umar al-Khattab RA" (Riwayat, No. Hadith: 3686), Kedua bahawa yang terbaik bagi manusia adalah Rasulullah SAW dan (yang terbaik dari manusia) setelah Rasulullah SAW adalah Abu Bakar RA, kemudian 'Umar... "(Riwayat Ibnu Abi 'Ashim, No. Hadith: 993), Ketiga, dari Yahya bin Sa'id, dari Nafi', dari Ibn' Umar al-Khattab RA, dia berkata: "Kami memilih yang terbaik di antara manusia pada masa Rasulullah SAW dan kami juga memilih (yang terbaik) adalah Abu Bakar RA, kemudian Umar al-Khattab RA, kemudian Uthman bin Affan RA (Riwayat Bukhariy, No. Hadith: 3655).

⁴ Menurut sebahagian ulama, sebagaimana dikatakan al-Suyuthi, jumlahnya sekitar dua puluh ayat (al-Suyuthi, 2017).

pendapat Umar al-Khattab RA dengan ketentuan wahyu menunjukkan bahawa alasan hukum Umar al-Khattab RA sangat istimewa. Umar al-Khattab RA dan pemahamannya tentang agama secara umum telah mendapat pengakuan langsung dari pemberi undang-undang (syariat), iaitu Allah SWT (Rachman, 2021) dan juga pengakuan Rasulullah SAW⁵.

Analisis prinsip mentauhidkan Allah SWT dikemukakan ketika Umar al-Khattab RA mendengar berita tentang Baiatur Ridhwan. Para sahabat berbaiat kepada Rasulullah SAW di bawah pokok ketika berlakunya perjanjian Hudaibiyah. Rasulullah SAW bersabda, "Tidak ada seorang pun yang membaikatku di bawah pohon ini kecuali masuk surga." Kecuali seorang munafik yang berada di antara mereka. Disebabkan pokok itu mempunyai nilai sejarah yang luar biasa, maka beberapa orang mula mendatangi pokok tersebut untuk memohon keberkatan. Maka Umar al-Khattab RA menyuruh menebang pokok itu (Hadi Awang, 2021; al-Maghlouth, 2014). Memotong sebatang pokok ini dilakukan oleh Umar al-Khattab RA sebagai usaha menjaga akidah umat Islam. Dasar Umar al-Khattab RA dilihat sepintas lalu seperti mengabaikan ayat yang secara langsung menyebut kejadian bai'at yang dilakukan di bawah pokok, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah telah reda kepada orang-orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pokok" (Surah al-Fath 48:18).

Dinilai mengabaikan nas Qur'an kerana pemilihan pokok tersebut oleh Allah SWT sebagai tempat taat setia para sahabat oleh Rasulullah SAW memberi isyarat bahawa pokok tersebut merupakan tapak bersejarah yang perlu diabadikan (Muhammad Baltaji, 2007). Tegasnya, ayat ini boleh dijadikan asas untuk mengabadikan tapak bersejarah itu. Namun, demi menjaga akidah, Umar al-Khattab RA memotongnya. Ketika itu, ternyata ada di antara sahabat yang gemar datang ke pohon tersebut untuk bersolat di bawahnya demi mengharap keberkatan kerana pokok tersebut secara langsung disebut dalam al-Qur'an ketika menjelaskan Bai'atu al-Ridwan. Namun, nampaknya Umar al-Khattab RA melihatnya secara berbeza. Memang benar ayat di atas boleh dijadikan teks khas untuk lebih mengabadikan pokok itu sebagai tapak sejarah yang sangat penting, kerana ia dapat membangkitkan semangat juang sahabat dan manusia selepas mereka melihat saksi sejarah ini setiap masa. Namun, faedah sebegini terpaksa diabaikan kerana ia mengancam akidah umat.

Umar al-Khattab RA berpegang kepada ayat-ayat yang melarang manusia mendekati perbuatan syirik yang begitu banyak dalam al-Qur'an. Benar juga seorang sahabat yang solat di sana pasti tidak ada niat lain selain mengharapkan keberkatannya. Cuma Umar al-Khattab RA khuatir jika dibiarkan akhirnya akan mengalihkan manusia kepada syirik. Sebab itu Umar al-Khattab RA memotong pokok itu. Walaupun pada pandangan pertama, tindakan ini seolah-olah cuba menghapuskan sebuah tapak bersejarah yang sangat penting (Muhammad Baltaji, 2007). Dalam skala tujuan, kemaslahatan iman perlu diutamakan daripada nikmat keberkatan yang diharapkan oleh sebahagian sahabat dengan berdoa di bawahnya dan faedah memelihara tapak bersejarah. Isu ini penting, Namun, faedah iman jauh lebih penting. Oleh itu, Umar al-Khattab RA tidak teragak-agak sama sekali untuk memotong pokok tersebut.

Prinsip takut kepada Allah SWT dapat dianalisis pada urusan pemerintahannya. Suatu ketika Umar al-Khattab RA sedang sibuk dengan satu pekerjaan yang penting. Pada ketika itu, datang seorang membawa pengaduan mengenai suatu hal kecil agar beliau dapat menyelesaikannya. Umar al-Khattab RA lalu memukul bahu pemuda itu sambil berkata "Apabila aku duduk untuk menerima perkara tersebut, kamu tidak datang menemuiku tetapi apabila aku sibuk dengan lain-lain perkara

⁵ Pertama, Dari 'Amru bin al-'Ash RA bahawa Rasulullah SAW mengirimmnya bersama pasukan Dzatus Salasil. Lalu saya ('Amru) bertanya kepadanya: "Siapakah manusia yang paling anda cintai?". Dia menjawab: "'Aisyah". Saya sekali lagi bertanya: "Jika dari kalangan lelaki?". Dia menjawab: "Ayahnya (yaitu Abu Bakar RA)". Saya kembali bertanya: "Lalu siapa lagi?". Dia menjawab: "Umar al-Khattab". Seterusnya dia menyebut beberapa orang" (Riwayat Bukhariy, No. Hadith: 3662), Kedua, Dari Abu Sa'id al-Khudriy RA, dia berkata: "Ketika tidur saya melihat dalam mimpi semua manusia diperlihatkan kepada saya dan masing-masing memakai pakaian. Ada yang memakai baju ke dada, ada yang memakai baju di bawah dada. Kemudian saya diperlihatkan Umar ketika dia mengenakan pakaian panjang yang diseretnya, "Sahabat-sahabat itu bertanya," Apa takwil mimpi itu, ya Rasulullah?". Dia Rasulullah SAW menjawab: "Agamanya" (Riwayat Bukhariy, No. Hadith: 3691), Ketiga, dari Hamzat bin 'Abdillah bin 'Umar; Bahwasannya Ibnu Umar berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Ketika saya sedang tidur, saya bermimpi saya diberi segelas susu dan kemudian saya meminumnya sehingga saya melihat sesuatu yang indah keluar dari kuku saya, kemudian saya memberikan yang lain sahabat mulia, Umar al-Khattab RA". Para sahabat bertanya: "Apa ta'wil mimpi itu, ya Rasulullah?". Dia menjawab: "Ilmu" (Riwayat Bukhariy, No. Hadith: 82), Keempat, dari Abu Qilabah, dari Anas bin Malik, ia berkata; Telah bersabda Rasulullah SAW "Orang yang paling penyayang terhadap orang lain di kalangan umatku adalah Abu Bakar, yang paling tegas dalam menegakkan urusan Allah (syari'at-Nya) adalah 'Umar." (Riwayat al-Tirmidziy, No. Hadith: 3791), Kelima, Rasulullah SAW bersabda "Saya tidak tahu berapa lama saya akan hidup. Jadi, tiru dua orang setelah saya, yaitu: Abu Bakar dan Umar" (Diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Ahmad dalam Fadailush Shahabah No. Hadith: 198).

yang penting kamu mencelahiku dengan perkara remeh temeh". Pemuda itu pun pergi dari situ. Tetapi Umar al-Khattab RA memanggilnya kembali dan memberinya cemeti lalu berkata: "Pukullah aku dengan cemeti ini supaya kesalahanku terbalas". Pemuda itu berkata "Aku maafkan kamu kerana Allah". Umar al-Khattab RA pulang ke rumahnya lalu bersolat taubat dua rakaat serta mencela dirinya sendiri "Wahai putra al-Khattab! Kamu dahulukan hina maka Allah mengangkat darjatmu, kamu sesat tetapi Allah telah memberikan kamu hidayah, kamu dulu sangat mengaibkan tetapi Allah memuliakan kamu serta mengurniakan kamu kekuasaan terhadap orang lain. Sekarang apabila salah seorang datang kepadamu mengadu mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan terhadapnya untuk diselesaikan, kamu memukulnya? Apakah jawapan yang akan kamu berikan di hadapan Allah kelak?" ('Ali Muhammad al-Shallabi, 2020; Hitti, 2006).

Untuk prinsip cinta kepada Rasulullah SAW turut diamal juga pada pemerintahan Umar al-Khattab RA. Terlihat ketika mengagihkan gaji berdasarkan kedekatan tentera dengan keturunan Rasulullah SAW dan mereka yang pertama masuk Islam. Hatta, (2014); al-Qisi (2007); 'Ali Muhammad al-Shallabi, (2020) menjelaskan bahawa Umar al-Khattab RA mendisiplinkan orang dalam catatan *diwan* berdasarkan pangkat nasab mereka yang diteruskan dengan Rasulullah SAW, dan sesungguhnya Umar al-Khattab RA telah mengutamakan pemberian gaji kepada orang yang mula-mula masuk Islam. Pada peringkat ini Umar al-Khattab RA menerapkan prinsip keadilan, prinsip mengamalkan amanah dan prinsip cinta kepada Rasulullah SAW. Terlihat Umar al-Khattab RA memberikan gaji dan kemudahan ketenteraan dari perbendaharaan negara sebagai amanah yang wajib disampaikan kepada mereka yang berhak menerimanya secara adil dan terarah mengikut tahap kedekatan mereka dengan keluarga Rasulullah SAW dan sesiapa yang terlebih dahulu memeluk Islam diantara mereka, sebagai upaya untuk menjalin hubungan baik antara pemimpin dan bawahan.

Prinsip mempertahankan syariat Islam dapat dilihat pada pengecualian kes curi pada tahun *Ramadah*. Ketika itu berlaku kecurian unta oleh seorang pekerja yang kelaparan kerana majikan tidak memberi gaji yang cukup untuk memenuhi keperluannya. Umar al-Khattab RA tidak menghukum pencuri itu dengan hukuman *hadd* kerana keadaan ketika itu adalah musim kebuluran dan kerana pencuri itu kelaparan oleh sebab upah yang sangat minima (Jaribah Ahmad al-Haritsi, 2020; Muhammad Baltaji, 2007). Dengan itu undang-undang menjadi *fleksibel* (disesuaikan dengan mudah), tidak kaku dan dianggap adil oleh semua golongan atau masyarakat. Pada kes curi ini Umar al-Khattab RA menarapkan prinsip mempertahankan syariat Islam yang sebenar dengan melakukan ijtihad yang tidak bercanggah dengan al-Qur'an.

Sekiranya orang yang terpaksa mengambil harta orang lain dipotong tangan, bermakna tujuan untuk melindungi mereka daripada hukum Islam tidak wujud sama sekali dan ini adalah mustahil. Kerana mereka mengambilnya dalam kondisi kelaparan dan kemudian mereka juga dijatuhkan hukuman potong tangan apabila mereka cuba menyelamatkan nyawa mereka dengan perkara yang paling cepat dan paling mudah yang boleh mereka lakukan, iaitu mengambil apa sahaja yang ada pada masa itu tanpa mengira apa yang mereka lakukan adalah mencuri dan tidak tahu milik siapa. Mereka melakukannya untuk keselamatan jiwa mereka. Jika mereka dipotong tangan maka di manakah perlindungan syariat untuk mereka? inilah yang disebut bahawa Umar al-Khattab RA menggunakan prinsip mempertahankan syariat Islam yang sebenar.

Kemudian prinsip memartabatkan kepimpinan khalifah dapat dianalisis dari perbezaan martabat yang nyata antara Umar al-Khattab RA dengan raja-raja yang hidup semasanya. Umar al-Khattab RA membina sebuah negara berlandaskan asas yang kukuh iaitu keimanan yang teguh kepada Allah SWT, menegakkan keadilan, dan dikuatkan dengan kecintaan yang tulus, budi pekerti yang tinggi dan tradisi Arab yang murni. Pembebasan yang dilakukan oleh Umar al-Khattab RA adalah untuk melepaskan rakyat daripada penindasan raja-raja Parsi dan Rom (Abdullah al-Maghlouth Sami, 2014). Sehingga 'Abdullah bin al-Abbas pernah berkata, "Saya pernah menangguk selama setahun tentang satu ayat yang ingin saya tanyakan kepada Umar al-Khattab RA. Saya tidak berani bertanya kepada Umar al-Khattab RA kerana kewibawaan martabatnya" ('Ali Muhammad al-Shallabi, 2020).

Pengamalan dalam prinsip mengutamakan syura dapat dilihat ketika Umar al-Khattab RA bertemu Abbas bin 'Abdul Muthalib RA. Umar al-Khattab RA berkata kepadanya, "Sebenarnya aku pernah mendengar Rasulullah SAW berwasiat sebelum Baginda SAW wafat. Dia mahu menambah bilangan masjid. Sesungguhnya rumahmu wahai Abbas RA sangat dekat dengan masjid, dan kami akan memperluas masjid tersebut. Lalu kami akan mengganti rumah dengan tanah yang lebih luas." Abbas RA menjawab, "Saya tidak akan melakukannya." Umar al-Khattab RA dengan tegas berkata, "Kalau begitu aku akan mengambil rumahmu dengan paksa." Abbas RA pun menjawab, "Itu bukan hak kamu". Cari orang tengah untuk memutuskan perkara ini. Umar al-Khattab RA kemudian bertanya, "Siapakah orang yang kamu pilih?" Abbas RA menjawab, "Aku memilih Hudzaifah ibn Yaman RA."

Umar al-Khattab RA dan Abbas RA duduk di hadapan Hudzaifah RA. Kedua-duanya menceritakan keadaan. Hudzaifah RA kemudian berkata, "Aku mendengar cerita bahawa Nabi Daud AS berniat untuk meluaskan *Baitul Maqdis*. Nabi Daud AS menemui sebuah rumah berhampiran *Baitul Maqdis*. Rumah itu milik seorang anak yatim. Nabi Daud AS kemudian memintanya daripada anak yatim, tetapi anak yatim itu enggan memberikannya. Nabi Daud AS pun berusaha untuk mendapatkan rumah tersebut secara paksa. Kemudian Allah SWT berfirman kepada Nabi Daud AS, "Sesungguhnya rumah yang bersih daripada kezaliman ialah rumah-Ku. Nabi Daud AS kemudian mengembalikan rumah itu kepada pemiliknya.

Abbas RA memandang Umar al-Khattab RA dan berkata, "Wahai Umar, adakah kamu masih mahu mengambil rumahku?" "Tidak" jawab Umar al-Khattab RA. Abbas RA juga berkata. "Dalam masa yang sama, saya telah memberikan rumah saya untuk meluaskan masjid Rasulullah SAW." Setelah mendapat nasihat daripada Hudzaifah Ibn al-Yaman RA (Mustafa Murad, 2014). Bila dianalisis, dengan penerapan prinsip mengutamakan syura maka terlihatlah sikap Abbas bin 'Abdul Muthalib RA yang tidak mempertahankan hak tanahnya, kerana sikap Umar al-Khattab RA juga tidak merampas tanah yang dikehendakinya walaupun ketika itu dia sebagai khalifah. Kerana mereka sentiasa mengutamakan syura dan dialog apabila terlibat dalam perselisihan.

Kemudian prinsip menerapkan keadilan Umar al-Khattab RA terdapat dalam riwayat Ibnu Abi Najih, bahawa Rasulullah SAW telah memberikan sebidang tanah kepada suatu kaum, kemudian datang pula orang lain mengurus tanah tersebut pada zaman Umar al-Khattab RA. Maka mereka berselisih dan Umar al-Khattab RA berkata kepada mereka, "Kamu telah membiarkan mereka mengurus tanah supaya mereka menuai hasilnya, lalu kamu datang untuk menukar dan mengambil hasil kerja mereka? Kalaulah bukan kerana sebidang tanah yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW untuk kamu, nescaya aku tidak akan memberikan dan menyerahkan sedikit pun tanah itu kepada kamu. Jika kamu mahu, serahkanlah hasil bumi itu kepada mereka dan ambillah tanah kamu. Jika kamu mahu, jual dan ambil harga tanah itu daripada mereka, maka tanah itu akan menjadi milik mereka" (Jaribah Ahmad al-Haritsi, 2020).

Daripada perselisihan yang berlaku, Umar al-Khattab RA dengan prinsip keadilannya mewujudkan garis panduan pengurusan tanah secara adil dan seimbang. Umar al-Khattab RA menggesa menghidupkan tanah mati atau mengusahakan tanah terbiar sebagai cara mendapatkan hak milik dengan merujuk kepada hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mengusahakan tanah mati yang bukan milik seseorang, maka dia lebih berhak atasnya" (Riwayat al-Bukhariy, Hadith No: 2167).

Umar al-Khattab RA adalah profil pemimpin yang berjaya, seorang mujtahid yang terkenal dengan sikap tegas dalam menegakkan prinsip keadilan. Umar al-Khattab RA mempunyai firasat tajam, berpengetahuan dan cerdas dalam memahami (Ibn Abdil Barr, t.t).

Pembuktian prinsip mengamalkan amanah dapat dilihat ketika Umar al-Khattab RA membagikan kain untuk membuat jubahnya. Beliau dituduh tidak adil daripada pengagihan kain *ghanimah* yang datang dari Yaman. Umar al-Khattab RA memakai pakaian yang lebih besar daripada jatahnya. Ketika Umar al-Khattab RA naik ke atas mimbar untuk menyampaikan khutbah dan mendorong orang untuk berjihad dengan memakai pakaian ini dan berkata kepada mereka, "Dengar dan taatlah kamu!" Tidak ada balasan salam daripada mereka, "Dengar dan taatlah kamu!" Tiada sambutan bergema, suasana hangat. Sebaliknya, suara lantang ditujukan kepada Baginda, "Tidak perlu didengar dan tidak perlu taat." Dalam keadaan ini berpuluh-puluh tentera bersenjatakan pedang tidak terpengaruh, apatah lagi melancarkan serangan. Walau bagaimanapun, keadaan menjadi tenang dengan sendirinya.

Umar al-Khattab RA bertanya kepada lelaki yang bercakap tadi ketika keadaan tenang, "Kenapa? Semoga Allah SWT merahmatimu." Kemudian lelaki itu berkata dengan sangat berani, "Kamu telah mengambil kain itu sama seperti kain yang kami ambil. Namun, bagaimana anda memotong kain itu sedangkan anda lebih tinggi daripada kami? Mesti ada sesuatu yang istimewa untuk anda." Dengan sifat rendah hati dan berakhlak mulia, Umar al-Khattab RA memberikan kepada anaknya untuk menjawab masalah tersebut. 'Abdullah bin Umar kemudian berdiri dan berkata;

"Saya melihat bahawa pakaian ayah saya tidak cukup dengan kain yang dibelah, maka saya berikan bahagian saya kepadanya untuk mencukupi jubah yang menjadi ukuran ayah saya kerana jubahnya yang ada terlalu banyak tampalan. Mendengar bahawa pendakwa berkata lalu bangkit dari tempat duduknya dan berkata, "Sekarang kami akan mendengar dan mentaati kamu wahai khalifah (Muhammad Amin al-Jundi, 2021).

Kemudian lelaki itu duduk dengan tenang dan berkata, "Sekarang kami mendengar dan taat." Pada peringkat ini terlihat bahawa Umar al-Khattab RA telah menerapkan prinsip mengamalkan

amanah. Secara rumusannya, prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA dan pengamalannya dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Prinsip Kepemimpinan Berteraskan Islam Umar al-Khattab RA dan Pengamalannya

Bil.	Prinsip Kepemimpinan Islam	Peristiwa / Konteks Analisis	Huraian Pengamalan Prinsip
1	Mentauhidkan Allah SWT	Penebangan pokok Bai'at al-Ridwan	Umar al-Khattab RA memerintahkan penebangan pokok bersejarah demi mengelakkan unsur tabarruk yang boleh membawa kepada syirik. Kemaslahatan akidah didahulukan berbanding pemeliharaan tapak sejarah.
2	Takut kepada Allah SWT (Khashyah)	Insiden memukul pemuda yang mengadu	Umar al-Khattab RA segera menyesali perbuatannya, menawarkan qisas, bersolat taubat dan mencela dirinya sendiri kerana takut akan hisab Allah SWT.
3	Cinta kepada Rasulullah SAW	Pengagihan gaji tentera melalui diwan	Umar al-Khattab RA mengutamakan Ahl al-Bayt dan mereka yang awal memeluk Islam dalam agihan gaji, sebagai manifestasi kecintaan dan penghormatan kepada Rasulullah SAW.
4	Mempertahankan Syariat Islam (Ijtihad Maqasidi)	Pengecualian hukuman hadd curi pada tahun Ramadah	Hukuman potong tangan tidak dilaksanakan kerana faktor kebuluran. Umar al-Khattab RA menegakkan roh syariat dengan mempertimbangkan maqasid dan keadilan sosial.
5	Memartabatkan Kepemimpinan Khalifah	Wibawa Umar berbanding raja Parsi dan Rom	Kepimpinan Umar al-Khattab RA berasaskan iman, keadilan dan akhlak, sehingga disegani oleh sahabat dan membebaskan rakyat daripada penindasan kuasa besar.
6	Mengutamakan Syura dan Dialog	Pertikaian rumah Abbas RA untuk peluasan masjid	Umar al-Khattab RA menerima pandangan pihak ketiga (Hudzaifah RA) dan tidak memaksakan kuasa walaupun sebagai khalifah, menzahirkan kepimpinan berasaskan musyawarah.
7	Menegakkan Keadilan	Pertikaian pengurusan dan pemilikan tanah	Umar al-Khattab RA menetapkan pilihan adil kepada pihak berselisih serta menggalakkan penghidupan tanah mati berdasarkan hadith Rasulullah SAW.
8	Mengamalkan Amanah dan Ketelusan	Isu pembahagian kain ghanimah	Umar al-Khattab RA menjelaskan secara terbuka sumber tambahan kainnya dan menerima kritikan rakyat, menunjukkan amanah, akauntabiliti dan ketelusan kepimpinan.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan mengenai prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA, dapat disimpulkan bahawa ideanya adalah pengetahuan baharu yang membina konsep kepemimpinan berteraskan Islam. Dari situ, rumusan yang membina kerangka konsep kepemimpinan berteraskan Islam daripada Jadual 1 dapat dijelaskan bahawa prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA adalah berlandaskan manhaj al-Qur'an, al-Hadis, dan Sirah Rasulullah SAW. Prinsip kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA yang boleh dirumuskan adalah kepada lapan perkara iaitu bertauhidkan Allah SWT, takut hanya kepada Allah SWT, cinta kepada Rasulullah SAW, mempertahankan syariat Islam, memartabatkan kepimpinan khalifah, mengutamakan syura, menerapkan keadilan dan mengamalkan amanah. Hala tuju prinsip-prinsip kepemimpinan berteraskan Islam ini akhirnya adalah sebagai asas membina kepemimpinan umat Islam khususnya di negara-negara Islam bagi meneraju kecemerlangan dalam pemerintahan.

Rujukan

- al-'Alwani, T. J. (1995). *Huquq al-muttaham fi al-Islam*. Association of Muslim Social Scientists.
- Al-Bukhari, M. I. I. (2003). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Haritsi, J. A. (2020). *Fiqh ekonomi Umar bin al-Khathab* (A. S. Zamakhsyari, Trans.). Perpustakaan Al-Kautsar.
- Al-Jundi, M. A. (2021). *Hiburan orang soleh: 101 cerita segar, benar dan penuh hikmah* (T. A. Rahman, Trans.). Perpustakaan Arafah.
- Al-Mubarakfuri, M. b. 'A. al-R. b. 'A. (n.d.). *Tuhfah al-Aḥwadhī bi sharḥ Sunan al-Tirmidhī*. Dar al-Fikr.
- Al-Shallabi, 'A. M. (2020). *Biografi Umar bin Khattab* (K. A. Harahap & A. Faozan, Trans.). Pustaka Al-Kautsar.
- Awang, A. H. (2021). *Khalifah Umar RA: Fiqh siasah Khulafa' al-Rashidin* (Jilid 2). Pustaka Permata Ummah.
- Baltaji, M. (2007). *Ijtihad Umar bin Khattab dalam penetapan syari'at Islam* (A. R. S. Siregar, Trans.). Berlian Publications.
- Daud, M. (2001). *Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Fuad, A. (2016). *The great of two Umars: Kisah hidup dua khalifah paling legendaris Umar ibn al-Khathab dan Umar ibn Abdul Aziz*. Zaman.
- Habib Marhoon Al-Hadi, & Rosdi, M. S. M. (2023). *Usaha Oman menyebarkan agama Islam pada zaman awal di Nusantara [Oman's efforts to spread Islam in the early Islamic period in the Malay Archipelago]*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 129–144.
- Haekal, M. H. (2011). *Umar bin Khattab: Sebuah telaah mendalam tentang pertumbuhan Islam dan kedaulatannya*. Litera Antar Nusa.
- Hanapi, M. S., Mastura, S., & Doktoralina, C. M. (2019). *Wasatiyyah-consumerism ethics in the Qur'an*. *International Journal of Financial Research*, 10(5), 204–207.
- Hasbi, A. (2001). *Musyawah & demokrasi: Analisis konseptual aplikatif dalam lintasan sejarah pemikiran politik Islam*. Gaya Media Pratama.
- Hitti, P. K. (2006). *History of the Arabs: From the earliest times to the present* (R. C. L. Yasin & D. S. Riyadi, Trans.). Serambi Ilmu Semesta.
- Husayn Ahmad Amin. (1997). *Seratus tokoh dalam sejarah Islam*. Remaja Rosdakarya.
- Ibnu Katsir. (2013). *Al-bidayah wa al-nihayah* (M. Isfahan, Trans.). Crescent News.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (2019). *Ad-dā' wa ad-dawā': Macam-macam penyakit hati dan pengobatannya*. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Islamic principles of village financial management (VFM) in Indonesia. (2023). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 101–116. <https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.1.776>
- Khalid, A. (2006). *Semulia akhlak Nabi*. Aqwam.
- Kuntowijoyo. (1995). *Pengantar ilmu sejarah*. Yayasan Benteng Budaya.
- Marwa. (2018). *Umar bin Khattab: Potret keteladanan sang pemimpin umat*. Al-Tadabbur, IAIN Ternate.
- Murad, M. (2014). *Kisah hidup Umar Ibn Khattab* (A. Ginanjar & L. M. Sunman, Trans.; 7th ed.). Zaman.
- Rosdi, M. S. M., & Ithnan, K. A. (2019). *International Journal of Islamic Thought*, 15, 84–92.
- Rosdi, M. S. M., & Jackson, R. (2020). *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 10(10), 44–60.
- Sami, A. al-M. (2014). *Jejak Khulafaur Rashidin Umar al-Khattab RA*. Almahira.
- Serbaguna, B. S. (2005). *Analisis data pada penelitian kualitatif*. Graha Ilmu.
- Sumbangan Tok Kenali dalam memperkukuhkan Islam di Kelantan: The contributions of Tok Kenali in strengthening Islam in Kelantan. (2024). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3), 1–12. <https://doi.org/10.37231/jimk.2024.25.3.846>
- Tahrim, S. N. C., Muhammad, M. Z., Rosdi, M. S. M., Musa, A., & Din, N. M. (2019). *Research in World Economy*, 10(2, Special Issue), 70–73.
- Zainudin, S. A., Hassan, S. A., & Khairuldin, W. M. K. F. W. (2024). *International Journal of Islamic Thought*, 25, 136–151.